

ANIMASI CERITA RAKYAT PEKAKA BERCERITA AKIM YANG CERDIK DAN CENGGIH

Siti Nursyakirah Saharudin, Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Roslina Abu Bakar

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertitik tolak daripada pengamatan terhadap kajian-kajian ilmiah sedia ada yang rata-rata menjelaskan bahawa kajian tentang cerita rakyat melalui animasi *Pekaka Bercerita* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Sehingga kini, belum ada kajian yang menyeluruh terhadap cerita rakyat berbentuk animasi. Hal ini demikian kerana, dengan adanya wujud ruang ilmiah yang menuntut kepada satu pengkajian ilmiah khusus. Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, kajian ini berhasrat untuk mengisi ruang tersebut dengan meneliti tentang cerita rakyat animasi terbitan DBP ini. Kajian ini menggariskan dua objektif utama, iaitu mengenal pasti dan membincangkan wacana skrip cerita rakyat elemen andaian. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian menganalisis data. Selanjutnya, kajian ini menerapkan dengan menggunakan teori wacana oleh Normaliza Abd Rahim (2019) yang menekankan elemen ketiga iaitu elemen andaian dalam menganalisis cerita rakyat animasi *Akim Yang Cerdik dan Cengkih*. Selain daripada itu, data-data skrip animasi cerita rakyat tersebut didokumentasikan dalam bentuk bertulis bagi tujuan analisis. Hasil dapatan kajian ini berhasil menerapkan nilai-nilai cerita rakyat dalam kalangan masyarakat terutamanya murid sekolah rendah. Kesimpulannya, animasi cerita rakyat *Pekaka Bercerita* dapat diterima masyarakat kini meskipun telah diadaptasikan dalam pelbagai bentuk animasi. Diharapkan kajian akan datang dapat memberi fokus terhadap cerita rakyat ini terutamanya dalam bentuk animasi.

Kata kunci: *Animasi, Cerita Rakyat, Wacana, Pekaka Bercerita, Wacana Animasi*

ABSTRACT

This study is based on observations of existing scientific studies that averagely explains the study of folklore through animation *Pekaka Bercerita* published by Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). To date, there has been no comprehensive study of animated folklore. This is because, with the existence of a scientific space that demands a specific scientific study. Starting from the above statement, this study intends to fill the space by examining the animated folklore published by DBP. This study outlines two main objectives, namely to identify and discuss the discourse of folklore scripts element assumptions. Accordingly, this study uses the library method and the study analyzes the data. Furthermore, this study applies using the discourse theory analysis approach by Normaliza Abd Rahim (2019) which emphasizes the third element which is the element of assumptions in analyzing the animated folk tales of *Akim Yang Cerdik dan Cengkih*. Apart from that, the folklore animated script data was documented in written form for analysis purposes. The results of this study successfully apply the values of folklore among the community, especially primary school students. In conclusion, the animation of *Pekaka Bercerita* folklore can be accepted by the community today even though it has been adapted in various forms of animation. It is hoped that future studies can focus on these folk tales, especially in the form of animation.

Keyword: *Animation, Folklore, Discourse, Pekaka Bercerita, Animation Discourse*

PENGENALAN

Animasi pertama di Malaysia bermula pada tahun 1956 menerusi penciptaan logo filem negara, iaitu logo seekor harimau. Tujuan ini dihasilkan adalah untuk tayangan filem percuma pertama di kampung-kampung bagi kempen kerajaan sempena pilihanraya. Lanjutan itu, animasi Malaysia terus berkembang sekitar tahun 1990-an. Pada tahun 1994 telah berkembang pesat, iklan majalah *Gila-Gila* yang menggunakan watak animasi daripada majalah-majalah telah dihasilkan dengan tujuan mempromosikan majalah *Gila-Gila*. Kebiasaannya animasi atau juga dikenali sebagai kartun begitu diminati oleh golongan kanak-kanak kerana perwatakan setiap watak kartun yang dicipta oleh *animator* cukup menghiburkan penonton dan menarik perhatian umum. Perkembangan animasi negara dilihat semakin berkembang dan seiring dengan perkembangan teknologi animasi ketika ini (Mohammed Shahemey Azmi, 2015). Filem animasi pendek yang pertama adalah *Hikayat Sang Kancil* dan ditayangkan pada tahun 1983. Filem animasi pendek seterusnya di antara tahun 1984 dan 1987 adalah *Sang kancil dan Monyet*, *Sang Kancil dan Buaya*, *Gagak Yang Bijak*, *Arnab Yang Sombong* dan *Singa Yang Haloba* (Mohammed Shahemey Azmi, 2015). Cerita rakyat Melayu ialah sebuah cerita yang berasal dari masyarakat dan berkembang dalam masyarakat pada masa lampau. Selain itu, cerita rakyat Melayu menjadi ciri unik setiap bangsa yang mempunyai suatu kebudayaan beraneka ragam, merangkumi kekayaan budaya dan sejarah. Pada umumnya, cerita-cerita rakyat Melayu yang diperoleh mengisahkan tentang sesuatu kebudayaan masyarakat bangsa itu sendiri. Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan pemerhatian kajian terhadap peranan animasi cerita rakyat menerusi animasi cerita rakyat *Pekaka Bercerita*. Di sebalik peranan tersebut, tersembunyi persoalan tentang skrip animasi wacana cerita rakyat *Pekaka Bercerita* terhadap murid sekolah rendah. Kajian-kajian terhadap animasi cerita rakyat yang hanya terpengaruh dan dipengaruhi oleh animasi daripada luar negara (Muhamad Syahman Mahdi, Yusmilayati Yunos & Mohd Yuszaidy Yusoff, 2019). Keadaan ini berlaku akibat kurang pembikinan filem-filem tempatan dan penulisan skrip animasi menyebabkan kajian ini perlu dirincikan dengan menggunakan analisis wacana menerusi animasi cerita rakyat *Pekaka Bercerita*. Hal ini juga menggambarkan seolah-olah negara kita ketandusan filem-filem animasi cerita rakyat dan kurang berkebolehan. Kajian terdahulu tentang perkara tersebut melibatkan kajian Normaliza Abd Rahim (2018) yang mengkaji tentang teks dan tulisan terhadap cerita rakyat, pantun, sajak, lirik dan lain-lain. Berikutan daripada itu, kajian tentang animasi cerita rakyat di Malaysia perlu dilakukan. Dengan penyataan masalah, kajian ini memperlihatkan skrip animasi cerita rakyat *Pekaka Bercerita*. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti dan membincangkan wacana skrip cerita rakyat serta menggunakan analisis wacana elemen andaian yang memperlihatkan pandangan terhadap cerita rakyat.

SOROTAN KAJIAN

Kajian oleh Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim (2017) yang memfokuskan nilai yang terdapat dalam lirik lagu cerita rakyat yang dikaji. Dalam kajian ini, elemen bahasa menjadi perkara yang penting selain penulis berkarya dalam menghasilkan sebuah lagu. Pemilihan lagu “Bebaskan” melalui animasi filem *Frozen* yang telah mula ditayangkan pada 2013 telah diubah suai versi ke dalam bahasa Melayu. Keputusan kajian telah mendapati terdapat pengaruh lapisan masyarakat dalam lagu “Bebaskan” menerusi penggunaan kata kerja dalam lirik lagu cerita rakyat ini. Keputusan kajian Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim (2017) seiring dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Noor Riha Sulong & Normaliza Abd Rahim (2017) yang menggunakan lirik lagu cerita rakyat untuk mendapatkan nilai dalam kajian yang dijalankan. Lanjutan itu, pendedahan cerita rakyat membentuk ketamadunan masyarakat melalui nilai yang ditunjukkan dalam cerita tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh Asmidah Alwi, Harryizman Harun & Azliza Othman (2019) mengenai cerita rakyat. Kajian yang dijalankan membincangkan mengenai melindungi cerita rakyat Malaysia melalui permainan pengembaraan yang di buat untuk remaja. Dalam kajian ini, cerita rakyat Bawang Putih dan Bawang Merah dipilih sebagai asas dalam pembikinan permainan pengembaraan dari garis panduan permainan dan dari penggunaan remaja. Elemen kedua digunakan untuk merancang dan mengembangkan permainan yang berasaskan cerita rakyat yang dinamakan Orkid Emas dalam kajian ini. Hasil kajian diperoleh kedua-dua elemen permainan pengembaraan dari garis panduan dan penggunaan, Orkid Emas berjaya dirancang dan dikembangkan menggunakan gabungan elemen. Oleh hal yang demikian, remaja khususnya memberi maklum balas yang positif mengenai reka bentuk dan pembangunan Orkid Emas dan aspek perlindungan cerita rakyat. Lantaran itu, keputusan kajian yang dilakukan oleh Asmidah Alwi, Harryizman Harun & Azliza Othman (2019) tidak dipersetujui oleh Noor Hasnoor Mohamad Nor, Eizah Mat Hussain & Ahmad Ramizu Abdullah (2019) kerana kajian yang dilakukan hanya berfokuskan kepada permainan video dalam menarik minat remaja. Namun begitu, kajian Asmidah Alwi, Harryizman Harun & Azliza Othman (2019) berfokus kepada permainan video dan kajian ini selari dengan kajian oleh Sutji Hartiningsih & Retno Asih Wulandari (2020) di mana lagu permainan kanak-kanak yang digunakan dalam bentuk karakter permainan kanak-kanak mengeratkan makna kebersamaan, tanggungjawab dan nilai-nilai sosial.

Seterusnya, kajian oleh Sutji Hartiningsih & Retno Asih Wulandari (2020) juga menyatakan bahawa nilai lagu permainan kanak-kanak yang digunakan dalam bentuk karakter permainan kanak-kanak mengeratkan makna kebersamaan, tanggungjawab dan nilai-nilai sosial. Kajian oleh Sutji Hartiningsih & Retno Asih Wulandari (2020) mengfokuskan tentang lagu revitalisasi permainan kanak-kanak iaitu lagu permainan kanak-kanak dalam membentuk watak remaja. Keputusan kajian oleh Sutji Hartiningsih & Retno Asih Wulandari (2020) menunjukkan bahawa kebangunan dan kesejahteraan kembali lagu permainan kanak-kanak tradisional dengan sarat pendidikan moral dan sosial. Walau bagaimanapun, kajian oleh Sutji Hartiningsih & Retno Asih Wulandari (2020) mendapati keputusan kajian yang dijalankan hampir sama dengan kajian Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim (2017) yang menyatakan bahawa lirik lagu cerita rakyat ini memberi kebaikan terhadap lapisan masyarakat terutama golongan kanak-kanak, remaja dan orang dewasa dalam memahami cerita rakyat melalui lirik lagu. Hal ini jelas apabila golongan kanak-kanak ini faham akan nilai dan jalan cerita yang ingin disampaikan dalam lirik lagu tersebut.

Kajian tentang cerita rakyat oleh Xiaohui, Lay, Sabariah Md Rashid & Wue (2020) yang mengatakan bahawa sastera Cina moden yang paling banyak diterjemahkan memperlihatkan pelbagai cerita rakyat yang sepenuhnya tersemat dan terkandung dalam gambar yang disajikan dengan nama wataknya. Kajian oleh Xiaohui, Lay, Sabariah Md Rashid & Wue (2020) berfokus kepada novel Bian Cheng membandingkan gambar nama dalam versi Cina asli dan versi bahasa Inggeris yang diterjemahkan oleh Kinkley dalam usaha untuk mendedahkan bagaimana suara penterjemah dicerminkan dengan teknik terjemahan yang berbeza-beza. Hasil kajian oleh Xiaohui, Lay, Sabariah Md Rashid & Wue (2020) menunjukkan bahawa budaya sumber yang rumit harus diberi perhatian yang cukup dan tepat melalui artikulasi suara penterjemah yang tepat sehingga gambar yang setara dan serupa dapat disajikan dan disampaikan dengan berjaya melalui terjemahan. Kajian oleh Xiaohui, Lay, Sabariah Md Rashid & Wue (2020) hampir setara dengan kajian oleh Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim (2017) yang mengfokuskan nilai yang ada dalam lirik lagu cerita rakyat yang dikaji. Dalam kajian ini, elemen bahasa menjadi perkara yang penting selain penulis berkarya dalam mencipta sebuah lagu.

Kajian tentang cerita rakyat oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) memaparkan cerita jenaka Melayu yang menggunakan medium cerita rakyat ditafsirkan oleh masyarakat tidak menjiwa mereka kerana dianggap lapuk ditelan zaman. Kajian oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) menumpukan kepada cerita rakyat Awang Lurus, Pak Pandir, Pak Kaduk dan Si Luncai bagi menyanggah pandangan masyarakat mengenai sifat positif yang ada dalam cerita-

cerita ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa cerita-cerita jenaka Melayu tidak memperlihatkan kelemahan masyarakat Melayu tradisional tetapi mempunyai keperibadian yang tinggi. Kajian oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) selari dengan Asmidah Alwi, Harryizman Harun & Azliza Othman (2019) yang menggunakan cerita rakyat Bawang Putih dan Bawang Merah sebagai permainan video bagi penggunaan remaja. Selain itu, kajian oleh Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud (2019) mengatakan bahawa cerita binatang terutamanya cerita rakyat diseluruh dunia mempunyai watak yang sama iaitu ciri-ciri sebagai pemimpin. Kajian oleh Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud (2019) memfokuskan terhadap cerita rakyat Sang Kancil dan Memerang yang mempunyai keberhasilan adab yang ditonjolkan dalam peradaban masyarakat Melayu terutamanya kanak-kanak. Hasil kajian menunjukkan bahawa cerita binatang terutamanya membawa watak seperti kelakuan manusia yang mempunyai budi pekerti dan jalan cerita yang dipertontonkan memberi pengajaran dan nilai tauladan kepada masyarakat. Kajian oleh Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud (2019) seiring dengan kajian oleh Normaliza Abd Rahim, Awang Azman Awang Pawi & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) yang mengatakan bahawa nilai yang ada dalam cerita rakyat dapat memberi pengajaran dan inspirasi kepada generasi muda.

Selanjutnya, kajian oleh Roslina Abu Bakar (2020) mengatakan bahawa cerita rakyat Melayu dan penyampaiannya adalah salah satu warisan khas Melayu. Kajian oleh Roslina Abu Bakar (2020) juga memfokuskan keunikan bahasa yang digunakan dalam penyampaian cerita rakyat Melayu menggunakan puisi dan hiperbola untuk mengimbangkan dan meningkatkan kesan dalam menceritakan kisah tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa sifat penceritaan itu dipersembahkan dalam bentuk animasi menerusi media tradisional dan teknologi. Kajian oleh Roslina Abu Bakar (2020) hampir sejajar dengan kajian oleh Faryna Mohd Khalis & Normah Mustaffa (2017) juga menyatakan bahawa selain jalan cerita, reka bentuk watak juga menjadi tulang belakang dalam animasi. Sehubungan dengan itu, kajian oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Awang Azma Awang Pawi & Normaliza Abd Rahim (2019) menyatakan bahawa penemuan koleksi khas cerita kanak-kanak berbahasa Melayu di University of Leiden, Belanda menunjukkan masyarakat Melayu tradisional menjaga bahan bacaan yang sesuai bagi kegunaan kanak-kanak di sana. Kajian oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Awang Azma Awang Pawi & Normaliza Abd Rahim (2019) juga berfokus kepada tiga cerita dalam kisah kanak-kanak 26 Mei Koleksi 1862 yang tidak mempunyai tajuk tertentu, hanya dikenali sebagai kisah 1, kisah 2 dan cerita kisah 3 dan 2 terkandung dalam koleksi cerita perumpamaan yang sukar dikenali oleh generasi muda. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat cerita rakyat yang mempunyai fungsi tertentu dalam memberi manfaat kepada kanak-kanak serta kurang terdedah kepada kisah-kisah warisan nenek moyang mereka. Kajian oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Awang Azma Awang Pawi & Normaliza Abd Rahim (2019) seiring dengan kajian yang dijalankan oleh Normaliza Abd Rahim, Awang Azman Awang Pawi & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) mengenai cerita rakyat Melayu di mana 16 nilai yang disarankan oleh Falsafah Pendidikan Negara telah digunakan dan kajian ini turut memilih sepuluh animasi cerita rakyat daripada *Pekaka Bercerita*. Justeru, kajian ini ingin mengenal pasti dan membincangkan wacana skrip animasi cerita rakyat *Pekaka Bercerita*.

METODOLOGI

Bahagian ini akan menyentuh tentang keadah-keadah yang diguna pakai bagi menjayakan kajian ini. Kajian ini merujuk dua siri animasi cerita rakyat *Pekaka Bercerita* iaitu animasi cerita rakyat *Akim yang Cerdik* dan *Cengkih* yang ditulis oleh Normaliza Abd Rahim (2018). Siri animasi cerita rakyat *Pekaka Bercerita* ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka melalui pengstoran 'Google Play Store' di telefon pintar. Siri animasi cerita rakyat *Pekaka Bercerita* mempunyai 33 siri animasi cerita rakyat. Namun, kajian ini hanya memfokuskan kepada dua siri animasi cerita rakyat sahaja iaitu *Akim*

yang *Cerdik* dan *Cengkih*. Penyelidik menggunakan teori analisis wacana oleh Normaliza Abd Rahim (2019) yang mengandungi tiga elemen iaitu kandungan, konteks dan andaian. Elemen andaian terbahagi kepada tiga aspek iaitu pendapat, perujukan dan persoalan. Aspek pendapat ialah mengenai pandangan sesuatu perkara yang diujarkan oleh seseorang. Dalam bahagian pendapat ini kebiasaanya boleh timbul idea baru, penyelesaian masalah dan sebagainya. Seterusnya, aspek perujukan lebih menerangkan berkenaan sesuatu perkara yang ingin diperkatakan. Oleh yang demikian, perujukan ini boleh jadi sama ada dirujuk benda yang berada disekeliling individu tersebut atau benda yang jauh dari pandangan yang membawa kepada perkara yang pernah individu lain mengalami peristiwa berkenaan. Manakala, aspek adalah persoalan melibatkan perbincangan yang penting seperti mesyuarat, perbincangan membuat keputusan dan sebagainya. Persoalan pula memerlukan jawapan daripada apa yang dipertanyakan. Oleh itu, persoalan ini ditanya atas sebab memerlukan perhatian pendengar terhadap apa yang sedang dibincangkan dan memerlukan persefahaman dalam topik yang dibincangkan.

Sinopsis Siri Animasi

Akim yang Cerdik

Pada zaman dahulu ada sebuah negeri bernama Andalas. Negeri Andalas sering dilanda banjir. Setiap kali banjir, raja negeri Andalas iaitu Raja Hasan akan menyuruh rakyatnya berpindah. Setiap kali banjir, semua tanaman dan harta benda akan musnah. Akibat kemusnahan ini, rakyat hidup dalam keadaan sedih. Dihujung negeri itu, tinggal seorang budak bernama Akim bersama-sama ibu dan gajahnya. Mereka hidup dengan bercucuk tanam. Pada setiap pagi, Akim akan memberi makan kepada sekumpulan Burung Jemput. Walaupun Negeri Andalas sering dilanda banjir, namun rumah Akim akan terselamat daripada banjir kerana dia dan gajahnya selalu membersihkan kawasan rumah. Dia akan membersihkan parit serta membuat benteng disekeliling kawasan itu. Pada suatu hari, Akim pergi menemui Raja Hasan. Akim menawarkan khidmatnya untuk membantu orang kampung dibawah pemerintahan Raja Hasan. Raja Hasan tidak mempunyai pilihan, lalu baginda pun bersetuju. Setelah mendapat kebenaran daripada Raja Hasan, Akim berlari mendapatkan gajahnya. Akim mengarahkan gajahnya untuk pergi ke kawasan yang selalu dinaiki air. Burung-burung jemput juga tidak ketinggalan membantu. Gajahnya mendalamkan sungai dan membetulkan aliran air. Kemudian, mereka membersihkan sampah yang terkumpul dan mengangkat pohon-pohon yang telah tumbang ke tepi tebing. Setelah selesai, Akim bergerak ke tempat lain. Dengan bantuan burung-burung jemput, Akim dapat mengenal pasti kawasan yang harus dibersihkan. Apabila semuanya telah bersih, Akim dan gajahnya membuat haluan untuk rakyat berjalan. Selang beberapa hari kemudia, hujan turun dengan lebat. Rakyat sudah bersedia untuk berpindah. Alangkah terkejutnya apabila mereka mendapati negeri mereka tidak banjir. Mereka berasa gembira kerana harta benda tidak musnah. Raja Hasan bersyukur dan berpuas hati. Baginda mengucapkan terima kasih dan memberikan harta kepada Akim. Selang beberapa bulan kemudian, tiba musim bercucuk tanam. Akim memanggil sahabat-sahabatnya si burung jemput. Rakyat juga ada yang bercucuk tanam dan membersihkan tempat. Mereka bergotong-royong bersama-sama. Raja Hasan berpuas hati melihat tanaman yang subur, rakyat yang gembira dan cuaca yang baik. Selepas peristiwa itu, Raja Hasan amat sayangkan Akim. Raja Hasan juga menawarkan kepada Akim akan jawatan Perdana Menteri apabila Akim besar kelak.

Cengkih

Dahulu, ada sebuah kerajaan yang mengalami masalah mulut berbau. Raja mereka pun menghadapi penyakit yang sama dan menyebabkan raja mengarahkan kepada rakyatnya untuk memakai penutup mulut menggunakan topeng jika hendak bercakap. Raja Ali cuba menyelesaikan masalah ini, tetapi gagal. Suatu hari, ketika puteri sedang bermain-main di taman istana, datang seekor burung hinggap di dahan pokok tempat puteri bermain. Tiba-tiba, burung itu melihat puteri Jelita bermain dengan

keadaan pelik sambil menutup mulut. Burung itu menarik perhatian Puteri Jelita. Puteri terus berhenti bermain dan pergi ke dahan pokok di mana burung itu hinggap. Burung itu memberi puteri cengkih yang di ambil daripada pokok yang dihinggap. Puteri terus memakan cengkih yang diberikan oleh burung itu dan terkejut kerana nafasnya sudah tidak berbau. Puteri segera memberitahu bapanya Raja Ali akan peristiwa itu. Lalu Raja Ali terus mengarahkan rakyatnya untuk memakan dan menanam pokok cengkih di negerinya. Sejak daripada kejadian itu, rakyat sangat gembira kerana dapat bercakap antara satu sama lain tanpa perlu menutup mulut akibat penyakit yang mereka alami.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Animasi cerita rakyat berfungsi sebagai medium animasi hiburan bagi merangsang kreativiti dan daya fikir masyarakat. Jalan cerita yang menarik akan menghasilkan sesebuah karya sastera yang mempunyai matlamat tertentu terutama dalam kepada golongan kanak-kanak. Penyelidikan ini mengetengahkan animasi cerita rakyat yang dipilih selari dengan pengalaman dilalui oleh masyarakat. Animasi cerita yang dipertontonkan mengandungi nilai-nilai yang boleh memberi manfaat bukan sahaja kanak-kanak tetapi semua lapisan masyarakat.. Hal ini dapat dilihat melalui cerita *Akim yang Cerdik* dan *Cengkih* menerusi siri cerita rakyat *Pekaka Bercerita*.

Aspek Pendapat dalam Animasi Cerita Rakyat

Akim yang Cerdik

Jadual 1: Pendapat menerusi skrip animasi *Akim yang Cerdik*

S1	<i>“Walaupun Negeri Andalas sering dilanda banjir, rumah Akim akan terselamat daripada banjir kerana dia dan gajahnya selalu membersihkan kawasan rumah. Dia akan membersihkan parit serta membuat benteng disekeliling kawasan itu,” Kata Burung Pekaka menerangkan situasi Negeri Andalas yang sering banjir.</i>
S2	<i>“Ampun tuanku. Hamba ingin menolong negeri ini. Tidak salah jika hamba mencuba daripada tidak membuat apa-apa,” kata Akim kepada Raja Hasan terhadap masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung.</i>

Jadual 1 di atas menunjukkan elemen andaian melalui aspek pendapat bagi S1 dan S2. Perbualan di atas menunjukkan perbualan yang berbeza situasi. Perbualan S1 memperlihatkan penerangan terhadap Burung Pekaka sebagai pencerita yang menjelaskan keadaan negeri Andalas yang sering dilanda banjir apabila hujan turun dengan lebat. Dalam itu juga, ada seorang rakyat yang bernama Akim tinggal dihujung kampung bersama-sama ibu dan gajahnya. Walaupun tinggal di Negeri Andalas yang sering berlaku banjir, rumah Akim akan terselamat daripada banjir itu. Misalnya, *“rumah Akim akan terselamat daripada banjir kerana dia dan gajahnya selalu membersihkan kawasan rumah. Dia akan membersihkan parit serta membuat benteng disekeliling kawasan itu”*, menunjukkan bahawa pendapat yang digambarkan oleh Burung Pekaka ialah Akim sering membersihkan kawasan rumah bersama-sama dengan gajahnya dengan membuat benteng disekeliling kawasan rumah. Hal ini demikian kerana, Akim tidak mahu rumahnya terjejas daripada dilanda banjir. Dalam pada itu, Akim dan ibunya mementingkan kebersihan dalam kawasan rumah mereka. Di samping itu juga, Akim berpendapat jika kawasan rumah bersih tanpa ada sebarang daun-daun kering tersumbat di parit berhampiran rumah mereka, banjir tidak akan berlaku. Jadi, Akim mengambil keputusan untuk menjaga kebersihan rumah bagi kesejahteraan keluarganya dalam jangka masa yang panjang. Perbualan S2 di atas pula menunjukkan perbualan antara Akim dengan Raja Hasan. Perbualan mereka seakan serius untuk menyelesaikan masalah yang hendak dihadapi. Pendapat yang terkandung dalam perbualan di atas menunjukkan Akim mempunyai pendapat sendiri dalam membantu penduduk

di kampung Negeri Andalas. Misalnya, *“Hamba ingin menolong negeri ini. Tidak salah jika hamba mencuba daripada tidak membuat apa-apa”*, menunjukkan bahawa Akim ikhlas ingin membantu Raja Hasan dalam menyelesaikan masalah yang ditanggung oleh Raja Hasan. Justeru, pernyataan berbentuk pendapat di atas memperlihatkan bahawa Akim menawarkan khidmatnya dalam membantu orang kampung menyelesaikan masalah yang dihadapi. Sehubungan dengan itu, Akim juga tidak melakukan sebarang aktiviti dan dari situ timbulnya idea untuk menawarkan khidmatnya dalam membantu orang kampung kepada Raja Hasan. Dalam pada itu, Akim tidak mahu masanya terbuang begitu sahaja tanpa ada sebarang perkara yang tidak dilakukan walhal Akim tahu penduduk kampung yang lain sedang menghadapi masalah. Walau bagaimanapun, Raja Hasan setuju menggunakan khidmat Akim dalam membantu penyelesaian masalah banjir yang mereka alami.

Cengkih

Jadual 2: Pendapat menerusi skrip animasi Cengkih

S3	<i>“Wahai rakyat jelata sekalian, beta mahu kamu semua menanam pokok ini. Setelah pokoknya berbunga, kamu makanlah bunga-bunganya”</i> kata Raja Ali kepada rakyatnya.
S4	<i>“Saya tidak suka makan semut kerana ia membuatkan mulut saya berbau busuk. Kita mesti mengosok gigi selepas makan. Jika tidak mulut kita akan berbau”</i> Burung Pekaka memberitahu kepada penonton.

Jadual 2 di atas menunjukkan elemen andaian melalui aspek pendapat bagi S3 dan S4. Perbualan di atas menunjukkan perbualan antara Raja Ali dengan rakyatnya. Perbualan S3 memperlihatkan Raja Ali sedang memberitahu perkara yang penting kepada rakyatnya. Dalam pada itu, rakyat dibawah pemerintahan Raja Ali menghadapi masalah di mana mereka mengalami masalah nafas berbau yang menyebabkan seluruh rakyatnya memakai penutup mulut bagi mengelakkan nafas mereka dihidu ketika bercakap. Misalnya, *“Wahai rakyat jelata sekalian, beta mahu kamu semua menanam pokok ini. Setelah pokoknya berbunga, kamu makanlah bunga-bunganya”*, menunjukkan bahawa pendapat Raja Ali tentang pokok yang diceritakan oleh Puteri Jelita yang boleh menghilangkan masalah nafas berbau mereka. Hal ini demikian kerana, pokok yang diperkatakan itu menghasilkan bunga yang boleh mengubati nafas berbau mereka. Bunga itu juga telah dinamakan sebagai bunga cengkih. Sehubungan dengan itu, Raja Ali mengarahkan rakyatnya untuk menanam pokok tersebut dan setelah pokok itu berbunga, Raja Ali meminta rakyatnya untuk memakan bunga tersebut. Walau bagaimanapun, Raja Ali berpendapat jika rakyatnya memakan bunga tersebut, nafas berbau mereka dapat diatasi. Perbualan S4 di atas pula menunjukkan perbualan antara Burung Pekaka dengan penonton animasi. Burung Pekaka sebagai pencerita animasi cerita ini. Pendapat yang terkandung dalam perbualan di atas memperlihatkan pekaka memberi pendapat untuk menjaga kebersihan gigi. Misalnya, *“Saya tidak suka makan semut kerana ia membuatkan mulut saya berbau busuk. Kita mesti mengosok gigi selepas makan. Jika tidak mulut kita akan berbau”*, menunjukkan bahawa pekaka peka terhadap kebersihan diri terutama kebersihan giginya. Dalam pada itu, pekaka juga menekankan agar mengosok gigi selepas makan. Hal ini demikian kerana, selepas makan, kebiasannya nafas akan berbau kerana pengambilan makanan yang dimakan. Oleh itu, kebersihan gigi juga penting selain menjaga kesihatan badan. Jika gigi bersih, badan juga akan sihat dari segala penyakit.

Aspek Perujukan dalam Animasi Cerita Rakyat

Akim yang Cerdik

Jadual 3: Perujukan menerusi skrip animasi Akim yang Cerdik

S5	<i>“Pada zaman dahulu ada sebuah negeri bernama Andalas. Negeri Andalas sering dilanda banjir,” kata Burung Pekaka sebagai pembuka cerita mengenai Negeri Andalas.</i>
S1	<i>“Walaupun Negeri Andalas sering dilanda banjir, rumah Akim akan terselamat daripada banjir kerana dia dan gajahnya selalu membersihkan kawasan rumah. Dia akan membersihkan parit serta membuat benteng disekeliling kawasan itu,” Kata Burung Pekaka menerangkan situasi Negeri Andalas yang sering banjir.</i>

Jadual 3 di atas menunjukkan elemen andaian melalui aspek perujukan bagi S5 dan S1. Perbualan S5 memperlihatkan penerangan terhadap Burung Pekaka sebagai pencerita yang menjelaskan keadaan negeri Andalas yang sering dilanda banjir apabila hujan turun dengan lebat. Misalnya, *“Pada zaman dahulu ada sebuah negeri bernama Andalas. Negeri Andalas sering dilanda banjir”*, menunjukkan bahawa perujukan yang digambarkan oleh pekaka ialah negeri dibawah pemerintahan Raja Hasan. Dalam pada itu juga, pekaka merujuk sebuah negeri yang sering berlaku banjir. Negeri tersebut merupakan Negeri Andalas. Sehubungan dengan itu, Negeri Andalas juga merupakan negeri yang taat kepada pemerintahnya. Hal ini demikian kerana, rakyat Negeri Andalas mendengar titah raja supaya mereka berpindah ke tempat yang lebih selamat. Rakyat Negeri Andalas akur akan titah Raja Hasan tentang keselamatan mereka. Perbualan S1 di atas pula menunjukkan perbualan antara Akim dengan Raja Hasan. Perujukan yang terkandung dalam perbualan di atas menunjukkan Akim sering membersihkan kawasan rumahnya. Misalnya, *“Walaupun Negeri Andalas sering dilanda banjir, rumah Akim akan terselamat daripada banjir kerana dia dan gajahnya selalu membersihkan kawasan rumah. Dia akan membersihkan parit serta membuat benteng disekeliling kawasan itu,”* menunjukkan bahawa Akim ikhlas ingin membantu Raja Hasan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Raja Hasan. Justeru, pernyataan berbentuk perujukan di atas memperlihatkan bahawa Akim sering membersihkan kawasan rumah bersama-sama gajah kesayangannya. Di samping itu, Akim akan membersihkan parit dengan membuang daun-daun kering di dalamnya supaya tidak tersumbat yang menyebabkan aliran air hujan tidak dapat mengalir. Tambahan pula, jika parit tersumbat, aliran air hujan akan terganggu dan menyebabkan kawasan rumahnya banjir. Oleh itu, Akim akan sentiasa membersihkan kawasan rumahnya agar tidak ditenggelami air.

Cengkih

Jadual 4: Perujukan menerusi skrip animasi Cengkih

S7	<i>“Murai hinggap di atas dahan berhampiran Puteri Jelita” kata Burung Pekaka menerangkan situasi jalan cerita.</i>
S8	<i>“Sambil mendengar, Raja Ali terhidu bau harum dari mulut Puteri Jelita, lalu Raja Ali melihat rupa bunga yang diceritakan Puteri Jelita” kata Burung Pekaka menerangkan situasi jalan cerita.</i>

Jadual 4 di atas menunjukkan elemen andaian melalui aspek perujukan bagi S7 dan S8. Perbualan S7 memperlihatkan Burung Pekaka sedang menceritakan kepada penonton situasi jalan cerita animasi. Perujukan yang ingin disampaikan dalam perbualan ini ialah merujuk kepada Murai yang terbang

hingga di dahan pokok. Misalnya, “*Murai hinggap di atas dahan berhampiran Puteri Jelita*”, menunjukkan bahawa Murai yang sedang berlegar-legar berhampiran taman istana sedang hinggap di sebuah dahan pokok. Dalam pada itu, Murai terlihat Puteri Jelita dan dayang-dayang sedang bermain. Tetapi, keadaan mereka bermain seakan pelik menyebabkan Murai hinggap di dahan lalu menghampiri Puteri Jelita. Di samping itu, Murai mendapati mereka bermain tidak mengeluarkan suara lalu Murai cuba untuk membantu mereka dengan memberikan bunga yang ia hinggap kepada Puteri Jelita. Walau bagaimanapun, Murai berjaya membantu Puteri Jelita dengan memberi bunga cengkik kepadanya. Perbualan S8 di atas pula menunjukkan perbualan antara Burung Pekaka dengan penonton animasi. Burung Pekaka sebagai pencerita animasi cerita ini. Perujukan yang terkandung dalam perbualan di atas memperlihatkan pekaka memberi perujukan terhadap bunga cengkik yang diceritakan oleh Puteri Jelita kepada ayahnya Raja Ali. Misalnya, “*Sambil mendengar, Raja Ali terhidu bau harum dari mulut Puteri Jelita, lalu Raja Ali melihat rupa bunga yang diceritakan Puteri Jelita*”, menunjukkan bahawa bau haruman bunga cengkik yang harum keluar dari mulut Puteri Jelita. Hal ini demikian kerana, Puteri Jelita menceritakan kepada Raja Ali tentang sejenis bunga yang diberi oleh Murai kepadanya ketika dia sedang asyik bermain. Selepas itu, Puteri Jelita terus memasukkan bunga yang diberi oleh Murai ke dalam mulutnya. Alangkah terkejutnya nafas mulutnya tidak lagi berbau. Sehubungan dengan itu, Puteri Jelita terus menceritakan hal ini kepada Raja Ali. Kemudian, Raja Ali meminta Puteri Jelita untuk menunjukkan bunga yang di makan itu. Lalu, Puteri Jelita memberikan bunga cengkik itu kepada ayahnya. Akhirnya, Raja Ali meminta rakyatnya supaya menanam pokok itu dan apabila berbunga, mereka boleh makan bunga tersebut untuk menghilangkan penyakit nafas berbau mereka.

Aspek Persoalan dalam Animasi Cerita Rakyat

Akim yang Cerdik

Jadual 5: Persoalan menerusi skrip animasi Akim yang Cerdik

S9	<i>“Adik-adik ingin menjadi seperti Akim?” Kata Burung Pekaka di pembukaan cerita.</i>
S10	<i>“Kamu hanya seorang kanak-kanak biasa. Mampukah kamu menyelesaikan musibah yang kita hadapi ini?”, kata Raja Hasan kepada Akim.</i>

Jadual 5 di atas menunjukkan elemen andaian melalui aspek persoalan bagi S9 dan S10. Perbualan S9 memperlihatkan penerangan terhadap Burung Pekaka sebagai pencerita yang menjelaskan tentang seorang kanak-kanak yang bernama Akim. Misalnya, “*Adik-adik ingin menjadi seperti Akim?*”, menunjukkan bahawa persoalan yang digambarkan oleh pekaka mengenai seorang kanak-kanak terhadap kebijaksanaannya. Selain daripada itu, kebijaksanaannya telah membuatkan Raja Hasan sayang akan Akim yang boleh membantu rakyat ketika dalam kesusahan. Tambahan pula, Akim menggunakan kebijaksanaannya dengan membantu penduduk kampung dengan membersihkan kawasan kampung dan membuat parit dengan haiwan kesayangannya gajah. Akim dan gajahnya sama-sama membersihkan kawasan kampung bagi mengelakkan dari berlakunya banjir. Oleh itu, tahap kebijaksanaannya membuatkan Raja Hasan ingin mengambil Akim sebagai perdana menteri kelak apabila Akim sudah meningkat dewasa. Perbualan S10 di atas pula menunjukkan perbualan antara Raja Hasan dengan Akim. Persoalan yang terkandung dalam perbualan di atas menunjukkan Akim tidak menjangkau usianya untuk berfikir seperti orang dewasa dan ingin membantu penduduk kampung. Misalnya, “*Kamu hanya seorang kanak-kanak biasa. Mampukah kamu menyelesaikan musibah yang kita hadapi ini?*”, menunjukkan bahawa Akim ikhlas ingin membantu Raja Hasan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Raja Hasan. Justeru, pernyataan berbentuk persoalan di atas memperlihatkan bahawa Akim menggunakan kebijaksanaannya membantu penduduk kampung yang susah sekiranya berlaku banjir. Di samping itu juga, Raja Hasan tidak dapat membayangkan usia

Akim seperti berfikiran orang dewasa dapat membantu menyelesaikan masalah kampung mereka. Raja Hasan berfikir tidak munasabah untuk usia kanak-kanak seperti itu mengalas tanggungjawab yang besar dalam menyelesaikan masalah negeri. Justeru, Raja Hasan memberi peluang kepada Akim untuk membuktikan bahawa Akim dapat menjalankan amanah yang diberi dengan sebaiknya.

Cengkih

Jadual 6: Persoalan menerusi skrip animasi Cengkih

S3	<i>“Wahai rakyat jelata sekalian, beta mahu kamu semua menanam pokok ini” kata Raja Ali kepada rakyatnya.</i>
S12	<i>“Adik-adik jangan lupa mengosok gigi setiap hari ya?” kata Burung Pekaka kepada penonton.</i>

Jadual 6 di atas menunjukkan elemen andaian melalui aspek persoalan bagi S11 dan S12. Perbualan di atas menunjukkan perbualan antara Raja Ali dengan rakyatnya. Perbualan S3 memperlihatkan Raja Ali sedang memberitahu perkara yang penting kepada rakyatnya. Dalam pada itu, rakyat dibawah pemerintahan Raja Ali menghadapi masalah di mana mereka mengalami masalah nafas berbau yang menyebabkan seluruh rakyatnya memakai penutup mulut bagi mengelakkan nafas mereka dihidu ketika bercakap. Misalnya, *“Wahai rakyat jelata sekalian, beta mahu kamu semua menanam pokok ini”*, menunjukkan bahawa persoalan Raja Ali tentang menanam pokok cengkih itu kepada rakyatnya. Tambahan pula, persoalan yang ditanya oleh Raja Ali tidak memerlukan jawapan oleh rakyatnya kerana situasi rakyatnya masih dalam keadaan nafas berbau yang membuatkan mereka tidak perlu untuk menjawab soalan itu. Hal ini demikian kerana, soalan tersebut tidak dituju kepada perseorangan tetapi kepada semua rakyat. Selain daripada itu, Raja Ali mahukan rakyatnya menanam pokok itu untuk menyembuhkan penyakit mereka. Perbualan S12 di atas pula menunjukkan perbualan antara Burung Pekaka dengan penonton animasi. Burung Pekaka sebagai pencerita animasi cerita ini. Persoalan yang terkandung dalam perbualan di atas memperlihatkan pekaka memberi persoalan kepada penonton untuk mengosok gigi setiap hari. Misalnya, *“Adik-adik jangan lupa mengosok gigi setiap hari ya?”*, menunjukkan bahawa pekaka mengingatkan agar menjaga kebersihan diri terutama kebersihan gigi. Dalam pada itu, dilihat pekaka sangat menjaga kebersihan diri disamping memberi nasihat kepada orang lain untuk menjadi sepertinya. Selain daripada itu, mulut dan gigi merupakan anggota badan yang pertama menerima makanan selain daripada anggota badan yang lain. Justeru, kebersihan mulut perlu dijaga dengan rapi agar makanan yang dimakan tidak dicemari dengan kotoran yang boleh menyebabkan badan tidak sihat.

RUMUSAN

Menerusi skrip animasi di atas menunjukkan bahawa andaian adalah berkaitan dengan pendapat, perujukan dan persoalan. Oleh itu, cerita rakyat yang disatukan ke dalam animasi membantu generasi muda untuk memahami dan menggunakan andaian dalam kehidupan seharian mereka. Daripada hasil ini juga memaparkan kepentingan andaian dalam cerita rakyat kerana ini akan mempengaruhi jalan cerita animasi. Cerita akan lebih menarik dan andaian dapat disatukan ke dalam aktiviti yang dilakukan di dalam kelas atau di rumah. Hasil kajian adalah selari dengan kajian oleh Asmidah Alwi, Harryzman Harun & Azliza Othman (2019) mengenai cerita rakyat Bawang Putih dan Bawang Merah yang dinamakan Orkid Emas menerusi permainan pengembaraan. Serta, keputusan kajian ini hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh Sutji Hartiningsih & Retno Asih Wulandari (2020) yang menyatakan bahawa nilai cerita rakyat dalam bentuk karakter permainan kanak-kanak

menyiratkan makna kebersamaan, tanggungjawab dan nilai-nilai sosial. Keputusan kajian ini juga selari dengan kajian oleh Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim (2017) yang menunjukkan bahawa cerita rakyat menjadi tumpuan dalam kalangan kanak-kanak. Selain itu, kajian ini juga didapati sejajar dengan nilai yang terkandung dengan kajian Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim (2017) dalam mengfokuskan nilai yang terdapat dalam cerita rakyat. Keputusan kajian ini hampir sama dengan Xiaohui, Lay, Sabariah Md Rashid & Wue (2020) di mana cerita rakyat sepenuhnya tersemat dan terkandung dalam gambar yang disajikan dengan nama wataknya.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan terdapat tiga aspek dalam elemen andaian yang meliputi pendapat, perujukan dan persoalan. Keputusan kajian diharapkan dapat memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya apabila berkomunikasi dalam perbualan atau perbincangan. Hal ini demikian kerana, komunikasi akan memberi kesan dan bermakna melalui pendekatan strategi komunikasi ini. Dalam ujaran pula, tidak akan timbul kekeliruan dalam ujaran bermakna apabila didengari namun, komunikasi lebih tertumpu terhadap mesej yang ingin disampaikan supaya lebih jelas dan difahami. Lanjutan itu, masyarakat dapat berkomunikasi dengan baik tanpa menyinggung hati orang lain dengan kata-kata yang diujarkan. Diharapkan kajian akan datang dapat mengfokuskan kepada kajian animasi cerita rakyat Melayu terutamanya dalam kalangan kanak-kanak.

RUJUKAN

- Agustin Rozalena. (2020). Creative Content on the Digital Campaign Tokopedia “Seller Story”. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 36(4) 2020: 157-171.
- Asmidah Alwi, Harryizman Harun & Azliza Othman. (2019). Safeguarding Malaysian Folktale through Adventure Game. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, Jilid 35(2): 448-464.
- Christopher, Q. W. K., Anita Harris Satkunanathan & Shahizah Ismail Hamdan. (2019). Sang Kancil as Cultural Artefact: A Comparative Neo-Archetypal Study. *Gema Online, Journal of Language Studies*, Volume 19(4).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2018). *Pekaka Bercerita. Animasi dan lagu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Faryna Mohd Khalis & Normah Mustaffa. (2017). Culture Inspiration toward Malaysian Animation Character Design. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 33(1) 2017: 487-501.
- Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim. (2017). Perlambangan Kata Kerja dalam Lirik Lagu “Bebaskan” Berdasarkan Teori Relevans. *Journal of Business and Social Development*, Bil 5 (1): 102-111. March 2017.
- Massila Hamzah & Ima Liana Esa. (2020). Undercovering the Factor Influencing the Techological Adaptation of Twitter Usage Among Journalists in the Transforming Journalism Practice. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 36(4) 2020: 1-15.
- Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy. (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif. *Jurnal Melayu*, Volume 1 Issue 1 (2018): 296-329.
- Mohammed Shahemey Azmi. (2015). *Animasi Malaysia Cetus Fenomena*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.

- Muhamad Syahman Mahdi, Yusmilayati Yunos & Mohd Yuszaidy Yusoff. (2019). Wacana Identiti Melayu dalam Animasi *Upin & Ipin*: Episod *Dugaan* dan *Nikmat*. *Jurnal Melayu*, Bil 18 (2) 2019.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Awang Azma Awang Pawi & Normaliza Abd Rahim. (2019). The Function of University of Leiden's Malay Language Reading Materials Among Malaysian Children. *Asian Social Science*, Vol 15, No 4.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Awang Azman Awang Pawi & Rahimah Hamdan. (2018). The Elements of Thinking in Archipelago's Fables from the Perspective of Children in the 21st Century. *Pertanika J. Soc. Sci. & Humanities*.
- Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. (2017). Dissemination of Values and Culture through the E-Folklore. *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 16(1), 32-36
- Normaliza Abd Rahim, Awang Azman Awang Pawi & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2018). Integration of value and culture in Malay folklore animation. *Pertanika J. Soc.Sci. & Humanities*, 26(1), 359-374.
- Normaliza Abd Rahim. (2018). Values in the Song Lyrics Among Asperger's Children: Discourse analysis Theory. *International Journal of Management and applied Science*. 4 (12), 44-47
- Normaliza Abd Rahim. (2018a). Discourse analysis theory: A new perspective in analysis. *IUKL Research Journal*, 7(1), 46-53.
- Normaliza Abd Rahim. (2019a). *Kajian wacana dan strategi komunikasi: Teori dan aplikasi Terengganu*: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Normaliza Abd Rahim. (2019b). *Multimedia dalam bahasa*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, Nur Maisara Roslan, Nur Widad Roslan & Siti Nur Aliaa Roslan. (2020). *Conflict in Translation of Childen Folklore Songs*. *International Journal of Scientific & Techology Research*. 9 (9), 252-256
- Noraïen Mansor & Normaliza Abd Rahim. (2019). *Eh!!! Media sosial*. Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Nuriyati Samatan & Fatharany Berkah Abdul Barry. (2020). Myth of *Baki Sea*: An Observation of *Banggai* Matriarchal Cultural Values. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 36(1) 2020: 61-75.
- Roslina Abu Bakar. (2017). Hikayat Pelanduk Jenaka: Perkembangan Kecerdasan Bodily-Kinesthetic dan Kecerdasan Bahasa Kanak-Kanak dan Remaja. *Semantic Scholar*, Courpus ID: 198517718
- Roslina Abu Bakar. (2020). The Uniqueness of storytelling on Malay folk tales. Dlm. Surajit Sarkar et.al., *Oral Traditions, Continuities and Transformation in Northeast and Beyond*, London.
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud. (2019). Kisah Sang Kancil dan Memerang sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Kesidang*, Volume 4 (2019): 77-89.
- Sutji Haritiningasih & Retno Asih Wulandari. (2020). Revitalisasi lagu Dolanan Anak dalam Pembentukan Karakter Anak Usia Dini. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 8(1), 2020: 83-92.
- Xiaohui, G. Lay, H. A. Sabariah Md Rashid, Wong, H. S. (2020). The Translator's Voice through the Translation of Characters' Names in *Bian Cheng*. *The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, Vol 26 (3): 81-95.